

## BAB KETIGA

### WACANA AL-QUR'AN

#### 3.0. Pendahuluan

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, al-Qur'an adalah kalam (firman) Allah yang sekaligus merupakan mukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w dalam bahasa Arab yang disampaikan kepada umat manusia dengan cara *al-tawa:tur* yang termaktub dalam bentuk mushaf dimulai dari surah al-Fa:tihat dan diakhiri dengan surah al-Na:s. (Muhammad al-Zuhailiyy, t.t. 141).

Sebagai sumber tertinggi ajaran Islam, Rasulullah (s.a.w) menafsirkan isi kandungan al-Qur'an kepada para sahabat Baginda. Setelah baginda wafat, para sahabat dan kemudiannya diikuti oleh para *tabii':n*, dan para ulamak telah berusaha merumuskan beberapa disiplin ilmu keagamaan yang bersumberkan al-Qur'an, dan ilmu-ilmu tersebut makin berkembang sejajar dengan perkembangan zaman.

Di samping itu, lahir pula ilmu-ilmu yang mempunyai ikatan erat dengan ajaran al-Qur'an itu sendiri seperti ilmu-ilmu yang membahaskan lafaz-lafaz bahasanya, kemukjizatannya, pengertiannya, sejarah turunnya, sejarah pembukuannya dan sebagainya. Cabang-cabang ilmu seperti inilah yang dikategorikan dalam '*Ulu:m al-Qur'an*.

'Ulum al-Qur'an menurut bahasa adalah berasal dari kata jama' yang terdiri daripada dua perkataan iaitu: علوم '*Ulu:m (jama' dari علم 'Ilm)* yang membawa

maksud Ilmu-ilmu al-Qur'an. Kitab suci umat Islam. *'Ulu:m al-Qur'an* dilihat sebagai satu disiplin tersendiri, maka ilmu-ilmu tersebut merupakan cabang dari disiplin *'Ulu:m al-Qur'an*. (Muhammad al-Zuhailiyy, t.t.: 143)

Ia juga merupakan suatu pembahasan ilmu yang ada hubung kait dengan al-Qur'an, merangkumi era penurunannya, pengumpulan, penyusunan dan pembukuan di samping mengetahui *asba:b al-Nuzul*, format ayat-ayat *Makkiyyat*, *Madaniyyat*, *Na:sikh*, *mansu:kh*, *a:ya:t muhkama:t*, *mutasha:biha:t* dan pelbagai pembahasan yang berhubungan dengan al-Qur'an. (Muhammad 'Aliyy Al-Sa:bu:niyy, 2002 :2, terjemahan M.S Hafid Mashuri).

Tujuan rangkuman pembahasan tersebut adalah untuk memahami Kalamullah berdasarkan keterangan dan penjelasan dari Rasulullah s.a.w. dan riwayat yang disampaikan oleh para sahabat dan tabi'in yang berorientasikan penafsiran mereka terhadap ayat-ayat al-Qur'an. Di samping itu ia juga bertujuan untuk mengetahui kaedah dan landasan yang digunakan oleh para mufassirin dalam memberikan penafsiran, penjelasan tentang corak dan keistimewaannya di kalangan mereka, mengetahui kriteria-kriteria penafsiran, bahkan termasuk juga masalah-masalah yang ada hubung kait dengan disiplin ilmu ini.

### **3.1. Disiplin dan Cabang 'Ilmu al-Qur'an**

Sebagai sebuah kitab suci umat Islam, para ulamak telah mempelajari dan memahami isi kandungannya serta meletakkan dan memperkembangkan dasar ilmu-ilmu yang dicungkil dari al-Qur'an. Oleh sebab itu, para ulamak kemudian mendefinisikan

'*Ulu:m al-Qur'a:n* sebagai ilmu yang berhubungan dengan al-Qur'an dari aspek turunnya, sisitematikanya, pengumpulan dan penulisannya, tafsirannya, kemukjizatannya, na:sikh dan mansu:kh dan sebagainya. (T.M. Hasbi al-Siddiqiyy, 1980: 27).

Badr al-Ddi:n al-Zarkashiyy dalam kitabnya *al-Burha:n Fi: 'Ulu:m al-Qur'a:n* ada menyebut bahawa terdapat 74 jenis ilmu yang termasuk dalam kategori 'Ulu:m al-Qur'an., manakala al-Sayu:tiyy pula menyebut terdapat lebih seratus aspek yang terdapat di dalamnya. (Jala:luddi:n al-Sayu:tiyy, 1979 ).

Di antara cabang-cabang 'Ulu:m al-Qur'an yang selalu mendapat perhatian para ulamak adalah seperti berikut:

- (a) '*Ilm Asba:b al-Nuzu:l* (ilmu tentang sebab penurunan ayat-ayat al-Qur'an).
- (b) '*Ilm I'ja:z al-Qu'ra:n* (ilmu tentang kemukjizatan al-Qur'an).
- (c) '*Ilm Na:sikh Wa al-Mansu:kh* (ilmu tentang ayat yang menghapus hukum ayat yang lain.dan ayat yang dihapus hukumnya oleh ayat yang lain).
- (d) '*Ilmu Ahka:m al-Qur'a:n* (ilmu tentang hukum hakam al-Qur'an).
- (e) '*Ilm Fada:'il al-Qu'ra:n* (ilmu tentang keutamaan ayat-ayat al-Qur'an).
- (f) '*Ilm Ta'w:il al-Qur'a:n* (ilmu tentang takwil al-Qur'an).
- (g) '*Ilm al-Muhkam wa al-Mutasha:bih* (ilmu tentang ayat-ayat yang jelas dan ayat-ayat yang samar).
- (h) *Ta:rikh al-Qur'a:n wa Tadwi:nuhu Wa Na:skhuhu wa Kutta:buhu Wa Rasmuhu* (ilmu tentang sejarah al-Qur'an, pembukuannya, salinannya, penulis-penulisnya dan bentuk tulisannya).
- (i) '*Ilm al-Qira:'a:t* (ilmu tentang cara bacaan al-Qur'an).
- (j) '*Ilm I'ra:b al-Qur'a:n* (ilmu tentang tata bahasa al-Qur'an).

(k) *‘ilm Muna:saba:t* (ilmu tentang sistematika al-Qur’an).

Di samping cabang-cabang ilmu yang disebutkan di atas, terdapat banyak ilmu yang berkaitan dengan kehidupan manusia, sama ada rohani mahupun jasmani. Ini akan dijelaskan pada fasal yang berkaitan dengan wacana al-Qur’an.

### 3.2. Wacana al-Qur’an sebagai wahyu

Wahyu secara semantiknya bererti “isyarat yang cepat” (termasuk bisikan di dalam hati dan ilham), surat, tulisan, dan segala sesuatu yang yang disampaikan kepada orang lain untuk diketahui.” Di dalam al-Qur’an, wahyu digunakan dalam beberapa pengertian, seperti berikut: (M.Quraish Shihab, 1999: 48)

**Pertama**, “*isyarat*” sebagaimana firman Allah;

فَخَرَجَ عَلَى قَوْمِهِ مِنَ الْمِحْرَابِ فَأَوْحَىٰ إِلَيْهِمْ أَن سَبِّحُوا بُكْرَةً وَعَشِيًّا



Maksudnya; “*Lalu dia keluar menemui kaumnya dari tempat sembahyangnya (mihrab) dan dia mengisyratkan kepada mereka supaya mereka memuji Tuhan di waktu pagi dan waktu petang.*” (Surah Maryam; ayat 11)

**Kedua, “pemberitahuan secara rahsia”**

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَيْطَانِينَ الْإِنْسِ وَالْجِنِّ يُوحِي بَعْضُهُمْ  
إِلَى بَعْضٍ زُخْرُفَ الْقَوْلِ غُرُورًا وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ فَذَرَّهُمْ وَمَا  
يَفْتَرُونَ ﴿١١٢﴾

Maksudnya; “Demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap para nabi, musuh-musuhnya di kalangan manusia dan jin, sebahagian daripada mereka menyampaikan kata-kata dusta kepada yang lain dengan tujuan menipu. Dan jikalau Tuhanmu menghendaki, nescaya mereka tidak melakukan sedemikian, Oleh itu biarkanlah mereka bersama-sama dengan apa-apa yang mereka adakan.” (Surah al-An’a:m ; ayat 112).

**Ketiga, “Ilham yang diberikan kepada binatang”** seperti ayat;

وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنْ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ  
الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ ﴿٦٨﴾

Maksudnya; “Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah; Jadikanlah bukit-bukit sebagai tempat tinggalmu, dan di pohon-pohon kayu (pokok) dan daripada apa yang mereka dirikian.”(Surah al-Nahl ; ayat 68).

**Keempat “Ilham yang diberikan kepada manusia”**

وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ أُمِّ مُوسَىٰ أَنْ أَرْضِعِيهِ فَإِذَا خِفْتِ عَلَيْهِ فَأَلْقِيهِ فِي الْيَمِّ وَلَا  
تَخَافِي وَلَا تَحْزَنِي إِنَّا رَادُّوهُ إِلَيْكَ وَجَاعِلُوهُ مِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٧﴾

Maksudnya; “Dan Kami wahyukan kepada ibu Musa; susuilah dia, dan jikalau kamu khawatiri akan keselamatannya, buanglah dia ke dalam sungai, dan janganlah kamu takut dan berdukacita. Sesungguhnya Kami akan memulangkan dia kepadamu dan akan menjadikannya (melantiknya) sebagai seorang rasul.” (Surah al-Qasas; ayat 7).

Adapun secara terminologis, wahyu adalah “pengetahuan yang didapati seseorang di dalam dirinya serta diyakini bahawa pengetahuan itu datangnya daripada Allah, baik dengan perantaraan suara, mahupun tanpa perantaraan suara,” (Muhammad ‘Abduh, 1994: 101).

Dengan demikian, definisi wahyu yang digunakan dalam al-Qur’an untuk menunjukkan pemberitahuan kepada nabi-nabi adalah berlainan dengan pengertian dari sudut bahasanya. Justeru, wahyu tidak dapat disamakan dengan ilham, kashaf (*vision, penglihatan batin*), perasaan dalam jiwa dan sebagainya. (Subhi: al-Sa:leh, 1995 :22).

Dalam pengertian ini, Allah berfirman;

﴿ وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَكَلِّمَهُ اللَّهُ إِلَّا وَحْيًا أَوْ مِنْ وَرَائِ حِجَابٍ أَوْ يُرْسِلَ رَسُولًا فَيُوحِيَ بِإِذْنِهِ مَا يَشَاءُ إِنَّهُ عَلَىٰ حَكِيمٍ ﴾

Maksudnya: “Dan tiada manusia yang Allah berfirman kepadanya, kecuali dengan wahyu, atau dari belakang tirai (*hijab*), atau dengan mengutus seorang utusan (*malaikat*) lalu diwahyukan kepadanya dengan izinNya apa yang Dia kehendaki. Sesungguhnya Dia Maha Tinggi lagi Maha Bijaksana.” (Surah al-Syu:ra; ayat 51).

Dari ayat di atas dapat diketahui bahawa wahyu yang disampaikan kepada para nabi dan rasul dapat dibahagikan kepada tiga cara, iaitu: pertama, *pewahyuan* (menurunkan wahyu), kedua, *memperdengarkan suara dari belakang tirai (hijab)* dan ketiga, *dengan perantaraan malaikat Jibril yang membawa wahyu*.

Pewahyuan cara pertama pada ayat di atas, adalah wahyu dalam pengertian bahasanya yang asli, iaitu isyarat yang cepat dan pantas. Wahyu dalam pengertian ini tidak sama dengan ilham, dan ia juga berbeza dengan *meditasi*, kerana ia merupakan kebenaran yang tidak mengandungi keraguan atau kesangsian. Inilah yang dimaksudkan dengan wahyu dalam kaitannya dengan para nabi yang mempunyai kepercayaan yang jitu bahawa yang diterima atau disampaikan kepada mereka adalah berasal dari Allah. (T.M. Hasbi al-Siddiqyy: 27).


Pemahyuaan secara kedua adalah melalui memperdengarkan suara dari belakang hijab “tirai” sebagaimana Allah memanggil Nabi Musa a.s. dari belakang sebuah pohon dan baginda mendengar panggilan itu. Termasuk dalam kategori ini adalah wahyu yang disampaikan kepada Nabi Muhammad (s.a.w) ketika dalam perjalanan Israk dan Mikraj. (T.M. Hasbi al-Siddiqyy: 32).

Pewahyuan secara ketiga ialah perkhabaran dari Allah yang disampaikan kepada para nabi melalui utusan iaitu malaikat Jibril dan disampaikan dengan kata-kata yang diucapkan. Cara ini adalah merupakan bentuk wahyu yang paling tinggi. Pemberian wahyu dengan cara ini hanya terbatas bagi para rasul iaitu utusan Allah yang ditugaskan menyampaikan risalah Allah untuk disampaikan kepada manusia.

Pewahyuan al-Qur’an diturunkan secara istimewa di mana ia diturunkan dengan cara yang paling mulia. Ini memandangkan ia merupakan kitab yang terakhir yang diturunkan. Secara umumnya ia diturunkan dalam dua tahap:

*Pertama*, Dari Lauh Mahfuz ke langit dunia (secara global) atau seara keseluruhan pada malam Lailatul Qadar. Pada tahap ini Allah menurunkan al-Qur’an secara keseluruhan pada satu malam yang penuh keberkatan berbanding malam-malam yang lain dalam satu tahun.

*Kedua.* Dari langit dunia ke bumi secara terpisah dalam tempoh waktu 23 tahun. Pada tahap ini, al-Qur'an diturunkan dari langit dunia ke dalam kalbu Nabi s.a.w. secara beransur-ansur, sejak diutus menjadi rasul hingga wafatnya. (Muhammad 'Ali Al-Sa:bu:niy, 2002 : 42 -44) terjemahan M.S Hafid Mashuri)



**Gambarajah 9: Cara Penurunan Wahyu**

### **3.3. Al-Qur'an Sebagai Wacana**

Al-Qur'an merupakan satu wacana yang mempunyai pelbagai fungsi, antaranya sebagai sumber ajaran Islam dan bukti kebenaran kerasulan Muhammad (s.a.w). Sebagai sumber ajaran, wacana al-Qur'an memberikan pelbagai norma keagamaan sebagai pertunjuk bagi kehidupan umat manusia untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Oleh kerana sifatnya memberikan ajaran, norma-norma tersebut dikenali sebagai *syari'ah*. Ia mencakupi pelbagai disiplin ilmu yang berkaitan dengan kehidupan manusia sama ada keagamaan, sosial (kemasyarakatan), ekonomi dan sebagainya. (Fa:ru:q Nabha:n, 1981: 13).

Wacana al-Qur'an bukanlah sesuatu yang boleh ditandingi oleh mana-mana prosa atau syair, cerpen dan cereka-cereka yang berbentuk kesenian. Ia mempunyai kekuatan yang tersendiri sehingga masyarakat Arab tidak mampu menciptakan karya yang setara



dengannya. Wacana al-Qur'an adalah satu mukjizat yang agung, kerana ia memaparkan hal-hal ghaib yang telah, sedang dan akan terjadi di samping berita-berita alam akhirat yang akan dialami oleh umat manusia kelak. Segala yang dipaparkan terbukti dalam sejarah perjalanan hidup manusia, sepertimana Allah menceritakan bahawa umat Islam akan menjadi khalifah di dunia ini sebagaimana firmanNya;

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي  
الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي  
ارْتَضَى لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا

Maksudnya; “Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh di kalangan kamu; bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah (pemimpin) yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia menjadikan orang-orang yang sebelum mereka sebagai khalifah yang diberi kuasa pemerintahan, dan Dia akan memperteguhkan dan memperkembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhai untuk mereka.” (al-Nur ; ayat 55).

Ayat ini menunjukkan kemenangan dan menerangkan kemuncak kejayaan umat Islam pada zaman kerajaan Bani ‘Abbsiyyah, dan pada zaman kerajaan Moghul, Safawiyy dan Turki Uthmani antara abad 15 – 17 M. (al-Zarkashiyy , 1957: 94)

### 3.3.1. Wacana cerita tentang perkhabaran ghaib

Memang sifat semula jadi al-Qur'an diturunkan dengan penuh makna yang tersurat dan tersirat. Ia mengandungi berita-berita yang ghaib (*tidak kelihatan*) sama ada ianya berita-berita yang telah lalu, kini dan masa depan. Ini adalah satu tanda kemukjizatan al-Qur'an yang tidak dapat ditandingi oleh sesiapa pun. Berita tentang

perkhabaran umat-umat yang terdahulu dihebahkan melalui beberapa surah dalam al-Qur'an.

Ini adalah di antara sudut kemukjizatan al-Qur'an. Ini membuktikan bahawa al-Qur'an bukanlah perkataan manusia, tetapi ianya adalah firman dari Zat Yang Maha Mengetahui hal-hal yang ghaib lagi tersembunyi. (Muhammad 'Ali Al-Sa:bu:niy, 2002 : 179, terjemahan M.S Hafid Mashuri)

Sesungguhnya perkhabaran tentang perkara-perkara ghaib merupakan satu keagungan Allah yang Maha Pencipta lagi Maha Bijaksana dalam mentadbir alam ini dan ia disampaikan dalam bentuk realiti dan bukan atas dasar sangkaan ataupun ramalan. ('Abd al-Qadi:r Husaiyn, t.t. ; 71). Manusia tidak mampu untuk mengetahui perkara-perkara ghaib "ghaibiyya:t" kerana akal fikiran manusia dibatasi dengan ilmu yang sedikit, sebagaimana firman Allah:

﴿ ٨٥ ﴾ وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

Maksudnya: “ Dan tidak Aku berikan kepada kamu (wahai manusia) akan ilmu pengetahuan itu, melainkan sedikit sahaja” (Surah al-Isra:’ , ayat 85).

Firman Allah:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿١٦٥﴾

Maksudnya: “ *Katakanlah wahai Muhammad, sesiapaupun yang ada di langit dan di bumi tidak mengetahui akan perkara yang ghaib, melainkan Allah, Dan mereka tidak menyedari bilakah mereka akan dibangkitkan.*” (Surah al-Naml ; ayat 65).

Perkhabaran tentang perkara-perkara ghaib dalam al-Qur’an dijelaskan dalam tiga dimensi masa yang berbeza iaitu:

- i. Perkhabaran yang lampau
- ii. Perkhabaran yang sedang berlaku
- iii. Perkhabaran di masa hadapan

**(a) Perkhabaran yang lampau**

Wacana perkhabaran yang berbentuk perkhabaran yang lampau adalah salah satu bukti kemukjizatan al-Qur’an. Ia meliputi perkhabaran-perkhabaran ghaib yang telah berlaku dan luput dari penelitian sejarah. Salah satu kekuatan al-Qur’an yang sekaligus menjadi mukjizatnya adalah pemaparan kisah-kisah lampau yang sudah tidak dibicarakan lagi dalam cerita-cerita rakyat Arab di saat penurunan al-Qur’an, dan tidak mungkin akan diketemukan secara keseluruhan dalam kajian-kajian kesejarahan. Ini dijelaskan melalui ayat:

تِلْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الْغَيْبِ نُوحِيهَا إِلَيْكَ مَا كُنْتَ تَعْلَمُهَا أَنْتَ وَلَا قَوْمُكَ  
مِنْ قَبْلِ هَذَا فَاصْبِرْ ۗ إِنَّ الْعَاقِبَةَ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٤٩﴾

Maksudnya: “*Itu adalah di antara berita-berita tentang yang ghaib yang Kami wahyukan kepadamu wahai Muhammad, tidak pernah kamu mengetahuinya dan tidak*

*pula kaummu sebelum ini. Maka bersabarlah , sesungguhnya kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa” (Surah Hud ; ayat 49).*

Ayat ini diturunkan dalam konteks pemberitahuan kisah-kisah para Nabi dan Rasul Nabi Muhammad (s.a.w) meliputi kisah Nabi Adam a.s, Nabi Idris a.s., Nabi Nuh dan para pengikutnya yang berjaya menyelamatkan diri daripada bencana banjir besar, Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya Isma'il a.s., dan kisah para Nabi yang lain seperti Nabi Sulaiman a.s. (bersama Hudhud dan Balqis) Nabi Yusuf a.s , Nabi Musa a.s., Nabi Ishaq a.s. Nabi Ya'qub a.s., Nabi Ayyub, a.s., Nabi Yunus a.s. dan para nabi yang lain, sebagaimana disebutkan dalam al-Qur'an., di mana kisah mereka itu merupakan berita-berita sulit, tanpa adanya wahyu al-Qur'an. Rangkaian kisah-kisah dalam al-Qur'an diungkapkan untuk menjelaskan ajaran-ajaran keagamaan serta menggambarkan akibat buruk dan balasan sengsara yang diterima oleh para penentang ajaran tersebut.

Menurut para ahli tafsir, bilangan para nabi adalah sebanyak lapan ribu kesemuanya, di mana empat ribu di kalangan mereka diutuskan da kalangan Bani Isra'il, dan empat ribu dari kalangan semua umat manusia. ('Abd al-Qadi:r Husaiyn, t.t.; 75).

Kisah atau cerita yang dipaparkan dalam al-Qur'an berakhir dengan kesudahan yang baik bagi mereka yang beriman dan bertakwa serta menerima seruan kebenaran yang dibawakan oleh para Nabi dan Rasul (a.s), dan kesudahan yang buruk dan azab yang pedih bagi mereka yang menentang seruan kebenaran. ('Abd. Ghaniyy Muhammad Sa'ad Barakat, 1989:17-18).

'Umar Anggara (1995: 68) menyimpulkan bahawa berdasarkan tradisi-tradisi kisah Bani Israil dan diperkuatkan dengan Hadith Nabi, keragaman etnik umat manusia di seluruh dunia bermula daripada keturunan Nabi Nuh yang memiliki empat orang anak, iaitu: *Sa:m*, *Ha:m*, *Yafa:t* dan *Kan'a:n*. Kan'an merupakan salah satu anaknya yang menentang kenabian ayahnya sehingga ditelenggami banjir besar. Namun dia mempunyai keturunan yang selamat. Sam, anak pertama Nabi Nuh, melahirkan keturunan yang kemudiannya menjadi bangsa Arab dan Persia. Manakala Ha:m pula merupakan nenek moyang orang-orang Afrika. Yafat pula adalah asal bangsa Arya yang kemudiannya melahirkan bangsa Eropah dan Asia Tengah. Sedangkan Kan'an melahirkan keturunan Phinisia, namun akhirnya mereka dibersihkan dengan penghapusan etnik oleh bangsa Isra'il. Inilah rekonstruksi sejarah yang didasarkan pada kisah-kisah dalam tradisi Bani Isra'il dan Sunnah Nabi Muhammad (s.a.w).

Selain dari itu, terdapat juga kisah-kisah peradaban yang sukar dibuktikan dengan pengkajian dan penelitian sejarah, seperti pengkajian tentang kota *Iram* yang diungkapkan oleh Allah menerusi firmanNya :

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ ﴿٦﴾ إِرَمَ ذَاتِ الْعِمَادِ ﴿٧﴾ الَّتِي لَمْ يُخْلَقْ  
 مِثْلُهَا فِي الْبِلَادِ ﴿٨﴾

Maksudnya: “Adakah tidak kamu memerhatikan, bagaimana Tuhanmu memperlakukan terhadap kaum ‘A:d, iaitu penduduk Iram yang memiliki bangunan-bangunan yang tinggi, yang belum pernah dibangunkan (suatu kota) seperti itu di negeri-negeri lain.” (Surah al-Fajr : ayat 6 – 8).

Berita mengenai kota Iram ini telah mendapat perhatian daripada ahli-ahli sejarah dan arkeologi Barat untuk membuat pengkajian dari hasil peninggalan bersejarah yang disebutkan dalam al-Qur'an. Usaha yang berterusan telah menampakkan hasilnya, apabila kota Iram yang disebut-sebut dapat ditemukan pada Februari 1992 di sebuah gurun di Selatan Tanah Arab, pada kedalaman 183 meter di bawah permukaan pasir.

Kota tersebut menurut 'Umar Anggara (1995; 72) dijumpai oleh sekumpulan ahli sejarah yang diketuai oleh Nicholas Clapp dari *California Institute of Technology's Jet Propulsion (CIT-JTL)*. Dengan menggunakan pesawat canggih seperti *Challenger* yang memiliki sistem *Satellit Imaging Radar (SIR)*, dan satelit Perancis dengan sistem mengesan optik, Clapp mampu mengesan permukaan bawah tanah di selatan Semenanjung Arab pada kedalaman 183 meter dia berjaya menemukan satu keajaiban besar, iaitu sebuah bangunan bersegi lapan dengan dinding dan menara yang mencapai ketinggian 9 meter. Menurut kajian radar, bangunan tersebut mampu menampung sebanyak 150 orang. Daripada penemuan ini, Clapp membuat kesimpulan bahawa bangunan lama tersebut adalah merupakan sebahagian daripada kota Iram, pusat kegiatan dakwah Nabi Hud, iaitu cucu Nabi Nuh, dan ia juga merupakan peninggalan historis dari kaum 'Ad. (M. Quraish Shihab, H. Ahmad Sukardja, Badri Yatim, Dede Rosyada, Nasaruddin Umar, 1999 : 126).

**(b) Perkhabaran Ghaib Tentang Perkara-perkara yang sedang berlaku**

Al-Qur'an juga membawa berita-berita yang berlaku pada masa kerasulan Nabi Muhammad (s.a.w). Perkhabaran yang dipaparkan melalui ayat-ayat al-Qur'an berdasarkan peristiwa ghaib yang berlaku. Allah memberitahu Nabi Muhammad (s.a.w) tentang sifat orang-orang munafiq yang menyembunyikan kekufuran di dalam hati

mereka serta menzahirkan keislaman, sedangkan mereka merupakan musuh Allah dan musuh Rasulnya. Hal ini dinyatakan oleh Allah melalui firmanNya:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُعْجِبُكَ قَوْلُهُ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيُشْهَدُ اللَّهُ عَلَىٰ مَا فِي  
 قَلْبِهِ ۗ وَهُوَ أَلَدُّ الْخِصَامِ ﴿٢٠٤﴾ وَإِذَا تَوَلَّىٰ سَعَىٰ فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا  
 وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْفُسَادَ ﴿٢٠٥﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُ اتَّقِ اللَّهَ  
 أَخَذَتْهُ الْعِزَّةُ بِالْإِثْمِ فَحَسْبُ لَهُ جَهَنَّمُ ۗ وَلَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿٢٠٦﴾

Maksudnya: “Dan diantara manusia itu ada yang mengkagumkan hatimu dengan perkataannya tentang kehidupan dunia ini, dan Allah menyaksikan apa yang terdapat dalam hatinya, sedangkan dia adalah musuh yang paling kuat. Dan apabila dia keluar dan berusaha di muka bumi, lantas membuat bencana dan merosakkan sawah ladang dan binatang ternakan. Dan Allah tidak suka kepada kerosakan. Dan apabila dikatakan kepadanya; patuhlah kepada Allah, tetapi kesombongannya membawa kepada dosa, oleh itu cukuplah balasan untuk adalah api neraka, dan itulah tempat yang seburuk-buruknya.” (Surah al-Baqarah : ayat 204 – 206).

Begitu juga dengan halnya yang berlaku pada kedudukan masjid *Dirar* yang didirikan oleh golongan munafiq. Allah mewahyukan kepada Nabi Muhammad menerusi

FirmanNya:

وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مَسْجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَفْرِيقًا بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ وَإِرْصَادًا  
 لِمَنْ حَارَبَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۗ مِنْ قَبْلُ وَلَيَحْلِفُنَّ إِنْ أَرَدْنَا إِلَّا الْحُسْنَٰى وَاللَّهُ  
 يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿١٠٧﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang yang mendirikan masjid untuk menimbulkan bahaya, kekufuran, perpecahan antara orang-orang yang beriman dan untuk menyambut

*kedatangan orang sejak dahulu telah memerangi Allah dan RasulNya. Dan sesungguhnya mereka bersumpah dengan mengatakan; Kami hanya menghendaki kebaikan. Dan Allah menjadi saksi bahawa sesungguhnya mereka adalah pendusta.”* (Surah al-Taubat : ayat 107).

Ayat di atas menjelaskan sikap orang-orang munafiq yang mendirikan sebuah masjid bersamaan dengan terbinanya masjid Quba’, atas anjuran Abu ‘Umar, iaitu seorang pendita Yahudi yang sudah sekian lama memusuhi Nabi Muhammad. Sesudah perang Hunain, dia melarikan diri ke Syria. Tujuan masjid itu didirikan adalah untuk menyambut kedatangan Abu ‘Umar, tetapi beliau telah meninggal di Syria. Allah melarang Nabi Muhammad bersembahyang di masjid *dira:r* ini, dan akhirnya ia dirobohkan.

### **( c ) Perkhabaran tentang perkara yang belum dan akan berlaku**

Kebanyakan ahli tafsir berpendapat bahawa perkhabaran tentang perkara yang belum dan akan berlaku di masa hadapan, sebagai bukti yang paling kukuh tentang kemukjizatan al-Qur’an. Ianya mengatasi segala ramalan dan tenungan manusia dan jin. (Abd. Al-Ghaniyy Muhammad Sa’d Baraka:t, 1989: 19). Peristiwa-peristiwa tersebut dipaparkan dalam al-Qur’an sama ada ianya akan berlaku baik di dunia, mahupun di akhirat. Antara peristiwa-peristiwa tersebut yang benar-benar telah berlaku sebagaimana firman Allah:

سَيُهْزَمُ الْجَمْعُ وَيُوَلُّونَ الدُّبُرَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: “*Golongan itu pasti akan dikalahkan dan mereka akan mundur ke belakang.*” (Surah al-Qamar, ayat 45).



Melalui ayat ini, Allah memberitahu Nabi Muhammad (s.a.w) bahawa kaum musyrikin Quraish akan dapat dikalahkan jua akhirnya. Ayat ini diturunkan semasa Rasulullah masih berada di kota Mekah. Beberapa tahun kemudian, genap 8 tahun hijrahnya Rasulullah ke Madinah, puak Quraish dapat dikalahkan secara total dalam peristiwa *Fath Makkat* (pembukaan Mekah). (Shalabiyy, 1987: 195). Inilah janji-janji Allah terhadap Rasulnya Muhammad (s.a.w) dan para sahabat dengan siri kemenangan ke atas musyrikin daripada mulanya peperangan *Badr al-Kubra*: hinggalah sampai kepada pembukaan Kota Makkah "*Fathu Makkat*" sebagaimana firman Allah:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ ۗ  
 وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا ﴿٢٨﴾

Maksudnya: "Dialah (Allah) yang mengutuskan RasulNya Muhammad dengan membawa pertunjuk dan agama yang benar, supaya ianya mengatasi segala agama yang ada, dan cukuplah Allah sebagai saksi." (Surah al-Fath : ayat 28).

Ayat di atas menerangkan tentang pertolongan Allah kepada RasulNya Muhammad (s.a.w) dan umat Islam dengan menjadikan agama Islam sebagai dominasi kepada agama-agama yang lain.

Selain dari itu, al-Qur'an juga menyatakan bahawa kerajaan Romawi Timur (Bizantium) akan dikalahkan oleh umat Islam, sebagaimana disebutkan dalam firman Allah :

أَلَمْ ۙ غَلَبَتِ الرُّومُ ﴿٢﴾ فِي أَدْنَى الْأَرْضِ وَهُمْ مِّنْ بَعْدِ غَلَبِهِمْ  
 سَيَّغْلِبُونَ ﴿٣﴾ فِي بَضْعِ سِنِينَ لِلَّهِ الْأَمْرُ مِنْ قَبْلُ وَمِنْ بَعْدِ وَيَوْمَئِذٍ  
 يَفْرَحُ الْمُؤْمِنُونَ ﴿٤﴾ بِنَصْرِ اللَّهِ يَنْصُرُ مَن يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ  
 ﴿٥﴾ وَعَدَّ اللَّهُ لَا يُخْلِفُ اللَّهُ وَعْدَهُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: “Alif Lam Mim bangsa Romawi telah dikalahkan (Romawi Timur yang berpusat di Konstantinopel). Di negeri yang terdekat, dan sesudah kekalahan itu mereka akan menang dalam beberapa tahun lagi. Bagi Allah-lah segala urusan sebelum dan sesudah mereka menang. Dan di hari kemenangan bangsa Romawi itu, orang-orang beriman akan turut rasa bergembira. Dengan pertolongan Allah yang memberi pertolongan kepada sesiapa yang dikehendakinya Dialah yang Maha Mulia lagi Maha Penyayang. Itulah janji Allah yang tidak memungkiri akan janjinya. Akan tetapi kebanyakan mereka (manusia) tidak mengetahuinya.” (Surah al-Rum : ayat 1 hingga 6).

Dalam kaitan ayat ini, al-Zarqa:niyy (1988, 369) menjelaskan bahawa pada tahun 614 Masihi, kerajaan Romawi Timur dikalahkan oleh kerajaan Persia (Farsi) dalam pertempuran yang hebat, lebih dikenali sebagai peperangan *Tahihah*. Kekalahan tersebut merupakan salah satu trajedi besar yang menimpa terhadap kehidupan beragama, kerana bangsa Romawi adalah penganut agama *Samawiy* yang menurut ajaran Nabi Musa dan Isa, sedangkan bangsa Persia adalah penganut agama Majusi. Oleh kerana itu, dalam menanggapi kekalahan ini, orang-orang musyrikin Quraish mencemooh dan mengejek kegiatan dakwah Nabi Muhammad (s.a.w) dengan mengatakan para penganut agama *Sama:wiyy* (agama yang diturunkan dari langit) telah dikalahkan oleh penganut Majusi. (Muhammad Ali Al-Sabu:niy, 2002:180, terjemahan M.S. Hafid Mashuri)

Melalui ayat ini, Allah mengungkapkan sesuatu yang akan terjadi, bahawa dalam beberapa tahun yang akan datang (antara 3 hingga 9 tahun) bangsa Romawi akan kembali mengalahkan bangsa Persia. Pernyataan Allah ini kemudiannya menjadi satu kenyataan histories, iaitu pada tahun 622 Masihi, bangsa Romawi berjaya mengalahkan bangsa Persia.

Menurut ‘Abd. Al-Qa:dir Husaiyn (t.t.; 70) bahawa peperangan untuk mengalahkan Persia memakan masa selama lebih tujuh tahun, dan ini menunjukkan suatu bukti yang kukuh tentang kebenaran risalah kenabian Nabi Muhammad (s.a.w).

Dan pada masa yang sama, umat Islam di Semenanjung Tanah Arab berjaya mengalahkan puak Quraish dalam peperangan Badar. Ini merupakan satu bukti kebenaran pernyataan al-Qur’an dalam konteks ungkapan berita yang akan terjadi pada masa-masa yang akan datang. Begitu juga dengan pembukaan kota Mekah oleh Nabi Muhammad (s.a.w) dan pengikutnya sebagaimana yang diungkapkan melalui firman Allah;

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ۖ وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ  
أَفْوَاجًا ۚ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْ لَهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا ۝

Maksudnya; “Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan (semasa kamu wahai Muhammad berjaya menguasai kota Mekah), Dan kamu melihat manusia masuk (menganut) dalam agama Islam secara beramai-ramai. Maka ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhanmu dan mintalah keampunan daripadanya, Sesungguhnya Dia Maha menerima taubat.” (al-Nasr; ayat 1 – 3).

Di samping itu, Allah juga menyatakan tentang kehidupan yang akan ditempuh oleh manusia di alam akhirat. Peristiwa-peristiwa yang akan berlaku ini dipaparkan dalam kebanyakan ayat-ayat al-Qur'an terutamanya yang menyentuh mengenai aspek keimanan dengan hari kemudian. Mengikut hitungan yang dilakukan oleh Muhammad Fua'd 'Abd al-Ba:qi: (1988: 581 – 582), perkataan *القيامة* “*al-Qiyamat*“ disebut dalam al-Qur'an sebanyak 70 kali. Angka 7 atau 70 selalu digunakan dalam ungkapan-ungkapan dan lafaz-lafaz al-Qur'an. Sebagai contoh, ketika mana Allah menyebutkan perkataan langit *السَّمَاءُ* “*al-Sama:*” disebutkan juga dalam jenis jama' (plural), iaitu : *السَّمَاوَاتُ* “*al-Sama:wa:t*” sebagaimana firman Allah:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ  
سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: “*Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Dia menuju dengan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya **tujuh** lapis langit yang sempurna, Dan dia amat mengetahui akan tiap-tiap sesuatu*”.(Surah al-Baqarah, ayat 29).

Antara peristiwa yang akan berlaku selepas berlakunya kiamat ialah kebangkitan semula semua umat manusia semenjak Nabi Adam hinggalah ke hari kemudian. Mereka dibangkitkan (dihidupkan) semula untuk dibuat perhitungan dan pengadilan di hadapan mahkamah Allah bagi setiap amalan yang dikerjakan semasa hidup di dunia. Semua peristiwa yang akan berlaku ini dipaparkan dengan diselangsadikan dengan balasan baik dan buruk. Balasan baik adalah syurga yang disediakan dengan pelbagai nikmat, manakala balasan buruk adalah neraka yang disediakan dengan segala macam azab dan sengsara yang kekal abadi. Allah berfirman:

فَأَمَّا مَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ ۖ ﴿٦﴾ فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَّاضِيَةٍ ﴿٧﴾ وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ  
 مَوَازِينُهُ ۖ ﴿٨﴾ فَأُمُّهُ هَاوِيَةٌ ﴿٩﴾ وَمَا آدْرُكَ مَا هِيَهُ ﴿١٠﴾ نَارُ حَامِيَةٍ ﴿١١﴾

Maksudnya: “Adapun orang yang berat timbangan amal baiknya, maka dia akan berada dalam kehidupan yang diredhai. Dan adapun orang yang ringan timbangan amal kebajikannya, maka tempat kembalinya ialah Hawiyat. Dan apakah kamu mengerti wahai Muhammad ! apakah Hawiyat itu ?. Iaitulah api yang panas membakar.” (al-Qa:ria ‘at; ayat 6 – 11).

Perkataan (syurga) جَنَّةٌ disebut dalam al-Qur’an sebanyak 66 kali dalam bentuk mufrad dan جَنَّاتٍ iaitu dalam bentuk jama’ disebut sebanyak 69 kali. (Muhammad Fu’a:d ‘Abd al-Ba:qi, 1988; 180 – 182)). Manakala perkataan neraka النَّارُ disebut sebanyak 145 kali. Allah memaparkan peristiwa-peristiwa di hari kemudian sebagai peringatan buat manusia supaya mereka dapat menyediakan bekalan-bekalan amal kebaikan untuk di bawa di hari pembalasan.

Semua berita ghaib yang telah disampaikan oleh al-Qur’an sebelum ianya terjadi, merupakan satu di antara beberapa sudut kemukjizatannya kerana ketepatan perkhbarannya itulah yang menunjukkan bahawa informasi itu semata-mata bersumber dari Allah S.W.T. kepada rasulnya, dan pada ketika itu rasulullah s.a.w. sendiri belum pernah mengetahinya. (Muhammad ‘Ali Al-Sa:bu:niy, 2002: 188, terjemahan M.S. Hafid Mashuri). Misalnya, Allah menceritakan kisah nabi Nuh a.s. dalam ayat di bawah:

تِلْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الْغَيْبِ نُوحِيهَا إِلَيْكَ مَا كُنْتَ تَعْلَمُهَا أَنْتَ وَلَا قَوْمُكَ مِنْ  
 قَبْلِ هَذَا فَاصْبِرْ إِنَّ الْعَقِيبَةَ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٤٩﴾

Maksudnya “(Kisah Nuh) itu adalah di antara berita-berita ghaib, Kami wahyukan kepada engkau wahai Muhammad sedangkan engkau tiada mengetahuinya dan tiada pula kaum engkau sebelum ini. Sebab itu, bersabarlah, Sesungguhnya akibat yang baik bagi orang-orang yang bertaqwa.” Surah Hu:d, ayat 49)

### 3.3.2. Wacana Tentang Ajaran dan Ibadah

Antara aspek terpenting yang dipaparkan oleh Allah dalam al-Qur’an adalah yang menyentuh mengenai tujuan sebenar manusia diciptakan, iaitu untuk beribadah kepada Allah. Al-Qur’an memberikan ajaran-ajaran yang berbentuk amal ibadah yang wajib dikerjakan. Mahmud Shaltut (1966:11) membahagikan ajaran yang disampaikan kepada dua bahagian iaitu, akidah dan ibadah. Aspek akidah (kepercayaan) sering ditekankan dalam ayat-ayat al-Qur’an, terutamanya ayat-ayat *Makkiyyat* (yang diturunkan di Mekah). Antara intisari kandungan ayat-ayat *Makkiyyat* adalah untuk membersihkan dan menyucikan jiwa manusia daripada sebarang bentuk syirik (penyekutuan) dan menyeru mereka supaya beriman kepada Allah, Tuhan yang Maha Esa. Dalam surah al-Samad, Allah berfirman:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُنْ  
 لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad) Dialah Allah yang Esa. Allah tempat berlindung (minta pertolongan). Dia tidak beranak dan tidak diperanakkan. Dan tiada sesuatupun yang serupa (sama) denganNya.” (Surah al-Samad : ayat 1 – 4).

Di samping itu, ayat-ayat *Makiyyat* juga memberi peringatan kepada manusia supaya beriman dengan hari kemudian (hari akhirat). Bahawa kehidupan dunia ini hanyalah sementara, dan akhiratlah yang kekal abadi. Kehidupan akhirat adalah lebih baik daripada kehidupan akhirat sebagaimana firman Allah:

وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ الْأُولَىٰ ﴿٤﴾

Maksudnya: “Dan sesungguhnya hari akhirat (hari kemudian) adalah lebih baik untuk kamu daripada kehidupan dunia.” (Surah al-Duha:, ayat 4).

Dalam aspek ibadah, ajaran al-Qur’an dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ibadah *mahdat* (ibadah pokok) dan ibadah *ghair mahdat* (ibadah sosial). Ibadah *mahdat* adalah sejumlah perbuatan dan amalan yang diperintahkan oleh Allah kepada hamba-hambanya dengan menetapkan kadar, waktu dan beberapa cara untuk melaksanakannya. Sedangkan ibadah *ghair mahdat* adalah merupakan perbuatan dan amalan yang bersangkutan paut dengan keduniaan dengan syarat ianya dilakukan untuk tujuan kebaikan dan mencari keredaan Allah.

Ibadah-ibadah pokok ( *mahdat*) terdiri daripada rukun Islam yang lima, iaitu mengucap dua kalimah syahadat, solat, zakat, puasa dan menunaikan haji. Untuk

menjelaskan setiap persatu kewajiban ibadat ini dinyatakan beberapa ayat al-Qur'an seperti di bawah:

(i) Ibadat Solat

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا

Maksudnya: “*Sesungguhnya sembahyang itu adalah suatu kewajiban yang telah ditentukan waktunya ke atas orang-orang yang beriman.*” (surah al-Nisa’, ayat 103).

Sembahyang merupakan tiang agama. Sesiapa yang mendirikanannya, dia telah mendirikan agamanya, dan sesiapa yang meninggalkannya, dia telah meruntuhkan agamanya. (maksud hadis). Sembahyang yang didirikan dengan khusuk dapat mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar sebagaimana firman Allah:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Maksudnya: “*Sesungguhnya sembahyang itu dapat mencegah daripada perbuatan keji dan munkar.*” (surah al-‘Ankabut: ayat 45)

(ii) Ibadat Zakat

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ

Maksudnya: “*Dan pada setiap harta mereka, terdapat hak orang miskin yang memintaminta dan orang miskin yang tidak meminta.*” (surah al-Za:riya:t: ayat 19)



Sejajar dengan prinsip ajaran di atas, Allah memerintahkan agar setiap orang yang beriman mengeluarkan sebahagian daripada harta mereka ke jalan yang direcai oleh Allah sebagaimana firmanNya:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ  
مِّنَ الْأَرْضِ ط

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, belanjakanlah sebahagian hasil (harta) yang baik-baik dan apa-apa yang Kami keluarkan dari hasil bumi (hasil pertanian.” (surah al-Baqarah, ayat 267).

### iii. Ibadah Puasa

Berpuasa di bulan Ramadhan, selama sebulan merupakan rukun Islam yang keempat, dan tujuan ia difardukan adalah supaya orang-orang yang beriman beroleh darjat ketaqwaan yang sebenar. Allah berfirman :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن  
قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Maksudnya: “ Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang sebelum daripada kamu, agar kamu bertaqwa.” (Surah al-Baqarat, ayat 183).

### iv. Ibadah Haji

Mengerjakan haji di kota Mekah dengan rangkaian rukun-rukunnya iaitu wukuf di ‘Arafah, melontar Jumrah, di Mina, dan Tawaf di Baitullah serta sa’ei antara Safa dan

Marwah dan di akhiri dengan Tahallul. Kewajiban untuk mengerjakan haji ini difirmankan dalam surah Alu ‘Imran, ayat 97:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Maksudnya: “*Mengerjakan haji adalah satu kewajiban manusia terhadap Allah, yaitu bagi orang yang mampu untuk mengerjakannya (perjalanan ke Baitullah)*”.

Ajaran al-Qur’an juga tidak mengalpakan persoalan yang berkaitan dengan aspek kehidupan di akhirat. Beriman dengan hari Akhirat tidak dapat dicapai dengan imajinasi manusia tanpa wahyu dari Allah. Sebagai sorotan ringkas dinyatakan beberapa ayat al-Qur’an yang berkaitan dengan kehidupan di akhirat.

Firman Allah:

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا فَأَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ  
ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: “*Bagaimanakah kamu boleh menjadi kufur dengan Allah, padahal kamu dahulunya mati (tiada), lalu Allah menghidupkan kamu, kemudian kamu akan dimatikan kembali, kemudian dihidupkan pula.*” (Surah al-Baqarat, ayat 28).

Dan ayat:

وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٠٠﴾

Maksudnya: “*Dan di belakang mereka itu adanya alam Barzakh hinggalah sampai ke hari kebangkitan.*” (Surah al-Mu’minun : ayat 100).

Kehidupan dunia hanyalah sementara, sedangkan kehidupan akhirat kekal abadi. Hidup setelah mati dimulai dengan *al-Ba‘th* atau *al-Qiya:mat* (kebangkitan) kemudian *al-Hashr* (berkumpul di padang Mahshar), dan *al-Hisa:b* (perhitungan amalan). Oleh yang demikian, hari akhirat selalu dinamai dengan *Yawm al-Ba‘th* (hari kebangkitan) *Yawm al-Qiya:mat* (hari kiamat), *Yawm Hashr* (hari perhimpunan), dan *Yawm al-Hisa:b* (hari perkiraan amalan).

### **3.3.3. Wacana Tentang Ilmu Pengetahuan**

Selain memiliki kemukjizatan dalam perkhabaran ghaib, al-Qur’an juga memperlihatkan keistimewaannya melalui ilustrasi-ilustrasi ajarannya yang memberi panduan dan isyarat ke arah perkembangan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi. Ayat-ayatnya banyak menyentuh mengenai proses kejadian alam, mekanisme kehidupan makhluk termasuk manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. (Muhammad Isma’il Ibrahim, t.t. : 24 ).

Para ulama Islam yang terkemuka telah melakukan kajian terhadap dimensi keilmuan yang diisyaratkan oleh al-Qur’an. Mereka telah banyak menjalankan kajian-kajian yang mendalam mengenai pelbagai disiplin ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan fizik ,biologi, astronomi, kimia, geologi dan sebagainya. Ini dijelaskan dalam sebuah buku berjudul *Sejarah Dan ‘Ulum Al-Qur’an* oleh satu kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Prof. Dr. M. Quraish Shiha:b (1999 : 128 – 154)

#### **(a) Ilmu Fizik**

Al-Qur’an bukannya buku ilmu pengetahuan yang menjurus kepada sesuatu ilmu,

tetapi ia hanya mengungkapkan pelbagai ilustrasi tentang kehidupan alam, yang kemudiannya di buat kajian oleh para ilmuan. Salah satu ilmu yang berjaya dihasilkan melalui sumber asalnya iaitu al-Qur'an ialah proses kejadian alam yang dinamakan ilmu Fizik.

Menurut al-Qur'an, permulaan terjadinya alam ini, adalah berupa kepulan asap atau gas yang tersebar ke dalam ruang-ruang kosong secara teratur. Sedangkan planet-planet itu terjadi dari gugusan-gugusan gas tersebut. (Muhammad Ali Al-Sha:bu:niy, 2002: 193) Ini dinyatakan dalam ayat berikut:

ثُمَّ اسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ وَهِيَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ ائْتِيَا طَوْعًا  
أَوْ كَرْهًا قَالَتَا أَتَيْنَا طَائِعِينَ ﴿١١﴾

Maksudnya: “Kemudian Dia (Allah) menuju ke arah langit, sedangkan langit itu masih berupa asap. Lalu kataNya (Allah) kepada langit dan bumi, Datanglah kamu berdua, baik secara patuh atau paksa. Maka menyahut kedua-duanya seraya berkata: “Kami datang dengan penuh patuh.” (Surah Fushshila:t ; ayat 11).

Menurut Ahmad Baiquniyy (1983: 17 – 25), al-Qur'an memberi isyarat bagaimana proses awal alam ini diciptakan. Ini dapat dilihat menerusi firman Allah:

أَوَلَمْ يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا<sup>ط</sup>  
وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: “Dan apakah orang-orang kafir tidak mengetahui bahawa langit dan bumi itu dahulunya adalah sesuatu yang padu (bersatu) kemudian Kami pisahkan antara

*keduanya. Dan dari air Kami jadikan segala sesuatu yang hidup, maka mengapakah mereka tiada juga beriman!.” (Surah al-Anbiya:’ : ayat 30).*

Perkataan al-Sama:’ (langit) dalam bahasa Arab bererti sesuatu yang berada di atas. (Al-Ra:ghib al-Asfaha:niyy, t.t.: 249), dan perkataan al-Ard (bumi) bererti sesuatu yang ada di bawah. (Al-Ra:ghib al-Asfaha:ni, t.t. : 12) Ayat di atas menjelaskan bahawa antara gugusan bintang-bintang dengan planet bumi pada awalnya bersatu, kemudian dipisahkan supaya terbentuknya apa yang dinamakan kehidupan di muka bumi.

Menurut teori ilmiah, bumi merupakan salah satu unsur planet yang telah terpecah darinya, kemudian membeku sehingga ianya sesuai dihuni oleh manusia. Adanya gunung gunung, serta gunung berapi dan benda-benda panas yang terkandung di dalamnya merupakan petunjuk kebenaran kepada teori-teori tersebut. Bumi juga mempunyai daya tekanan yang dapat memuntahkan lahar panas.

## **(b) Ilmu Biologi**

Salah satu tema penting dalam al-Qur’an ialah ungkapan tentang proses kejadian manusia yang termasuk dalam disiplin ilmu biologi, sebagaimana firman Allah;

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.*” (Surah al-Tin : ayat 4).

Dalam ayat di atas Allah menerangkan bahawa Dia telah menciptakan manusia dalam bentuk kejadian yang paling baik dan sempurna. Asal usul kejadian manusia adalah bermula dari tanah. Terdapat banyak ayat al-Qur’an yang menyingkap tentang

kejadian manusia daripada tanah. Tanah dalam bahasa Arab disebut *al-Ti:n* . Perkataan *al-Ti:n* disebut sebanyak dua belas tempat dalam surah-surah al-Qur'an, antaranya seperti berikut: (Muhammad Fu'a:d 'Abd. Ba:qiyy, 1988: 433).

Dan firman Allah :

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ طِينٍ ثُمَّ قَضَىٰ أَجَلًا وَأَجَلٌ مُّسَمًّى عِنْدَهُ ثُمَّ أَنْتُمْ  
تَمْتَرُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya: “*Dialah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian sesudah itu Dia menentukan waktu (ajalnya) waktu yang ditentukan di sisinya, kemudian itu kamu masih ragu-ragu.*” (Surah al-Anam : ayat 2).

Dan ayat:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِّنْ طِينٍ ﴿١٢﴾

Maksudnya: “*Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia daripada gumpalan tanah.*” (Surah al-Mu'minin : ayat 12).

Di samping itu Allah menggunakan perkataan *Tura:b* yang juga membawa erti tanah. Perkataan *Tura:b* disebut sebanyak 17 kali dalam al-Qur'an. (Muhammad Fu'a:d Abd al-Baqyy , 1988: 153) Antaranya, seperti firman Allah:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ  
مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُّخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ

Maksudnya: “*Hai manusia sekiranya kamu masih ragu-ragu dengan hari kebangkitan, maka sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian daripada setitik air mani, kemudian dari segumpal darah beku, kemudian dari segumpal daging*

yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna kejadiannya, untuk Kami menerangkan kepada kamu.” (Surah al-Hajj : ayat 5).

Dan ayat:

﴿٢٠﴾ وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ إِذَا أَنْتُمْ بَشَرٌ تَنْتَشِرُونَ

Maksudnya: “ Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya, bahawa Dia menciptakan kamu dari tanah, kemudian kamu menjadi manusia yang bertebaran.” (Surah al-Rum : ayat 20).

Dan ayat:

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ

Maksudnya: “ Dialah yang menciptakan kamu daripada tanah.”(Surah Gha:fir; ayat 67)

Kemudian Allah menjelaskan proses kejadian manusia, yang bermula dari *embrio* hingga sampai terbentuknya tubuh yang sempurna sebagaimana firman Allah;

يَتَأْتِيهَا الْإِنْسَانُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ الْكَرِيمِ ﴿٦﴾ الَّذِي خَلَقَكَ  
فَسَوَّكَ فَعَدَلَكَ ﴿٧﴾ فِي أَيِّ صُورَةٍ مَّا شَاءَ رَكَّبَكَ ﴿٨﴾

Maksudnya: “Hai manusia, apakah yang telah memperdayakan kamu (berbuat derhaka) terhadap Tuhanmu yang Maha Pemurah. Yang telah menciptakan kamu lalu menyempurnakan kejadianmu dan menjadikan (susunan tubuhmu) seimbang. Dalam bentuk apa sahaja yang Dia kehendaki Dia membentuk tubuhmu.”( surah al-Infita:r; ayat 6.7.dan 8).

Dan firman Allah:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِنْ طِينٍ ﴿١٢﴾ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ  
مَكِينٍ ﴿١٣﴾ ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ  
عِظَامًا فَكَسَوْنَا الْعِظَامَ لَحْمًا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ  
أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿١٤﴾

Maksudnya : “ *Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari suatu saripati (berasal) dari tanah; kemudian Kami jadikannya air mani (yang disimpan) dalam tempat yang kukuh (rahim), kemudian air mani itu kami jadikan segumpal darah. Lalu segumpal darah itu Kami jadikan ia seketul daging dan darinya Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu kami saluti (balut) dengan daging, kemudian Kami jadikan ia sebagai makhluk yang lain. Maka Maha suci Allah Pencipta yang paling baik.*” (al-Mu’minun , ayat 12 – 14 ).

Apabila dikaji dan diteliti ayat-ayat Allah di atas, akan lahirilah keinsafan dan kesedaran bahawa tiada tuhan yang sepatutnya disembah melainkan Allah yang menjadikan manusia dan seluruh alam ini. Allah Maha Pencipta dan Maha Bijaksana dengan menjadikan manusia daripada setitik mani dan kemudian manusia berkembang biak dengan berbagai keturunan, bangsa dan warna kulit yang berbeza. (Majlis Kegiatan dakwah Islamiah Sekolah-sekolah (Makdis),1996: 85 – 86)

### ( c ) **Ilmu Astronomi**

Astronomi merupakan salah satu tema yang diisyaratkan oleh al-Qur’an. Allah telah menundukkan benda-benda yang ada di langit dan ruang angkasa serta benda-benda di bumi untuk kesenangan hidup umat manusia. Ini diungkapkan menerusi firmanNya;



وَسَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِنْهُ  
 إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Dan Dia telah menundukkan untuk kamu apa-apa yang ada di langit dan apa-apa yang ada di bumi sebagai rahmat dari Nya. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berfikir.”( surah al-Jathiyah, ayat 13).

Ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa manusia beroleh faedah dan manfaat yang besar daripada segala makhluk ciptaan Allah sama ada di bumi mahupun di langit. Salah satu faedah yang besar dinikmati oleh manusia daripada gugusan bintang di ruang angkasa adalah sebagai pedoman dan pertunjuk arah bagi para nelayan dan pelaut di permukaan lautan samudera. Mereka meletakkan posisi yang tertentu sebagai pertunjuk arah pelayaran. Demikianlah halnya dengan para petani yang dapat menentukan musim tertentu dengan melihat posisi atau kedudukan bintang-bintang di langit. Isyarat ini disebutkan dalam ayat;:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ النُّجُومَ لِتَهْتَدُوا بِهَا فِي ظُلُمَاتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ ۗ  
 قَدْ فَصَّلْنَا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya: “Dan Dialah (Allah) yang menjadikan bintang-bintang bagi kamu, agar kamu menjadikannya sebagai pertunjuk dalam kegelapan di darat dan lautan. Sesungguhnya Kami telah menyatakan tanda-tanda kebesaran Kami kepada orang-orang yang mengetahui.”( surah al-An’a:m; ayat 97).

Sesungguhnya pengkajian dalam ilmu astronomi menurut Maurice Bucaille (1978: 224), seharusnya tidak terhenti setakat manfaat yang diperolehi oleh manusia sebagai pedoman di malam hari, malah ianya lebih bermakna dari itu. Hasil pengkajian ahli-ahli

astronomi terhadap gugusan bintang dan cakerawala di ruang angkasa, telah mengubah peradaban dunia, yaitu dengan berkembangnya budaya komunikasi global melalui jaringan satelit hasil ciptaan manusia.

Dengan kata lain, tamadun manusia berkembang pesat hasil dari penyelidikan yang diambil dari isyarat-isyarat keilmuan yang diungkapkan oleh al-Qur'an. Manusia di zaman kini boleh berkomunikasi dalam konteks yang lebih luas dalam dunia baru yang dikenali sebagai dunia tanpa sempadan.

#### ( d) Ilmu Kimia

Isyarat yang dimuatkan dalam al-Qur'an mengenai ilmu kimia dipaparkan menerusi firman Allah;

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: “Dan Kami telah menjadikan segala macam yang hidup ini dari air.” (al-Anbiya:’, ayat 30)

Ayat ini menyatakan bahawa asal mula segala kehidupan di bumi ini adalah air. Pernyataan seperti ini merupakan suatu kekuatan al-Qu’ran yang melemahkan para penentangannya, terutamanya dalam menghasilkan karya seumpama dengannya.

Ayat di atas juga menjelaskan bahawa proses perkembangan ilmu kimia berjalan selari dengan perjalanan matahari. Melalui pancaran matahari dan panahan petir serta

halilintar bermulalah awal kehidupan dengan hidupnya organ di dalam air yang kemudiannya menjadi makhluk yang hidup dan mempunyai sel-sel, dan ianya terus berkembang sehingga munculnya suatu kehidupan yang sempurna yang terdiri daripada tumbuh-tumbuhan, binatang dan perkembangan zuriat manusia.

Sebagaimana yang dimaklumi, manusia pertama yang dijadikan Allah adalah Adam dan kemudian diciptakan Hawa dari tulang rusuk Adam. Daripada perkongsian hidup Adam dan Hawa, berkembang pula zuriat dan keturunan manusia. Keturunan manusia sejak dari Adam sehinggalah ke hari ini adalah hasil daripada percambahan zuriat yang memanfaatkan sumber bumi sebagai penyambung hayat. Secara simboliknya, semua manusia diciptakan daripada tanah, memandangkan kepada semua sumber pemakanan adalah datangnya dari hasil bumi.

**(e) Ilmu Geologi**

Al-Qur'an juga mengungkapkan isyarat tentang ilmu geologi, iaitu ilmu yang berkaitan dengan lapisan bumi, baik lapisan dalam mahupun kulit bumi. Ini diterangkan dalam ayat;

أَلَمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ مِهْدًا ۝ وَالْجِبَالَ أَوْتَادًا ۝

Maksudnya: “Bukankah Kami yang telah menjadikan bumi sebagai hampan, dan gunung-ganang (bukit-bukau) sebagai pasak ?.”( surah al-Naba', ayat 6 – 7).

Al-Qur'an menyatakan bahawa gunung adalah pasak bumi kerana dengannya dapat mengimbangi putaran bumi serta posisi benua. Dalam hal ini Rasulullah pernah

bersabda dengan maksudnya: “Ketika Allah menciptakan bumi, permukaannya mulai bergerak dan bergoncang, kemudian Allah menstabilkannya dengan menciptakan gunung-ganang.”

**(f) Ilmu Kesehatan**

Al-Qur’an juga memberi perhatian serius kepada pembinaan budaya hidup sihat dan bersih. Oleh itu diperintahkan kepada umat Islam supaya sentiasa bersuci dari najis dan berwuduk untuk melakukan amal ibadah. Dalam aspek makanan umpamanya, al-Qur’an mengharamkan sumber yang haram dan kotor lagi menjijikkan seperti firman Allah ;

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah telah mengharamkan ke atas kamu memakan bangkai, darah dan daging babi.*” ( surah al-baqarah , ayat 173 ).

Pengharaman bangkai, darah dan daging babi mengandungi hikmat yang tersendiri. Dalam ilmu kesihatan, daging babi mengandungi kuman yang dikenali sebagai *trichine* dan *syticarus taena solium*. (Ahmad Ramli, 1968: 52).

Selain daripada pengharaman di atas, al-Qur’an juga mengharamkan umat Islam daripada meminum arak atau minuman keras, kerana ia akan mengganggu kesihatan akal fikiran atau dengan kata lain minuman keras boleh memabukkan dan menjadikan peminumnya hilang akal. Di samping itu arak atau minuman keras ini adalah najis dan kekotoran sebagaimana firman Allah ;

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ

عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: “ *Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, berkorban untuk berhala, dan menenung nasib adalah perbuatan keji dan termasuk dalam amalan dan kerja syaitan. Oleh itu, jauhilah perbuatan-perbuatan tersebut agar kamu semua beroleh untung.*” (surah al-Ma’idat; ayat 90).

#### (g) Ilmu Pertanian

Al-Qur’an mengingatkan manusia supaya memanfaatkan hamparan bumi yang subur dengan tanam-tanaman yang boleh menjadi sumber pemakanan mereka. Isyarat ini dipaparkan dalam ayat:

﴿ وَهُوَ الَّذِي أَنشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرِ مَّعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ  
وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكْلُهُ وَالرَّيْثُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ  
مُتَشَابِهٍ ﴾

Maksudnya: “ *Dan Dialah yang menjadikan kebun-kebum yang menjalar dan yang tidak menjalar, pohon kurma, tanam-tanaman yang bermacam bentuk buahnya, zaitun dan delima yang serupa (bentuk dan warna), namun berbeza rasanya.*” (surah al-An’a:m, ayat 141).

Aspek pertanian merupakan suatu aset yang paling berharga dalam kehidupan manusia memandangkan ia adalah sumber pemakanan dan tumbesaran di samping ianya sebagai penyambung hayat manusia. Ia juga boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

## (h) Ilmu Hidrologi

Dalam ayat berikut, jelas memperlihatkan bahawa air merupakan potensi sumber daya alam yang telah disediakan Allah untuk memenuhi pelbagai keperluan manusia. Pemanfaatan sumber air adalah untuk kepentingan pertanian, rumah tangga, jana kuasa dan sebagainya. Firman Allah;

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ  
مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ  
وَسَخَّرَ لَكُمْ الْأَنْهَارَ ﴿٣٢﴾

Maksudnya: “ Allah lah yang telah menciptakan langit dan bumi dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit, maka Dia mengeluarkan dengan air hujan itu berbagai buah-buah sebagai rezki bagi kamu, dan Dialah yang telah menundukkan bagi kamu bahtera supaya dapat belayar di lautan dengan kehendakNya. Dan Dia telah menundukkan pula bagimu sungai-sungai.” (al-Baqarat ; ayat 22).

Di samping disiplin-disiplin ilmu yang dinyatakan seperti di atas, terdapat beberapa jenis disiplin ilmu lain yang diisyaratkan oleh al-Qur’an seperti demografi (kependudukan), perdagangan, psikologi, sosiologi, antropologi dan perkembangan riset.

### 3.4. Keindahan Wacana Teks al-Qur’an dari Aspek Bahasa

Untuk mengenal pasti keindahan penggunaan bahasa yang terkandung dalam wacana al-Qur’an bukanlah suatu perkara yang mudah. Ini adalah kerana, aspek ini merupakan salah satu ciri kemukjizatan al-Qur’an yang tidak harus dipandang ringan.

Oleh itu masyarakat Islam harus memiliki daya dan kemampuan dalam menguasai kesusasteraan Arab (*al-Adab al-'Arabiyy*) dan ilmu yang berkaitan dengan balaghah al-Qur'an seperti '*Ilm al-Baya:n*, '*Ilm al-Ma'a:niy* dan '*Ilmu al-Badi:'*.

Penggunaan bahasa yang indah merupakan suatu keajaiban yang luar biasa yang terdapat dalam al-Qur'an seperti keseimbangan dalam bilangan kata, pemakaian jumlah huruf pada pembukaan surah di samping penggunaan lafaz-lafaz dan ayat-ayat yang mengandungi aspek-aspek seperti *maja:z*, *tashbi:h*, *isti'a:rat*, *kina:yat*, *tiba:q*, *muqa:balat*, *jina:s*, *i:ja:z*, *itna:b*, *musa:wa:t* dan sebagainya.

Menurut al-Ba:qila:niyy, al-Rummaniyy, dan Rasyi:d Rida:, keindahan penggunaan bahasa dalam al-Qur'an dapat diperhatikan pada beberapa perkara seperti di bawah: (M.Quraish Shihab, 1992: 29 – 30).

### **3.4.1. Keseimbangan dalam Penggunaan Kata**

Abd Razak Nawfal, menemukan sekurang-kurangnya terdapat lima bentuk keseimbangan kosa kata dalam al-Qur'an, iaitu keseimbangan antara jumlah kata dengan antonimnya, keseimbangan jumlah kata dengan sinonimnya, keseimbangan jumlah kata dengan yang menunjukkan akibatnya, keseimbangan kata dengan penyebabnya dan keseimbangan-keseimbangan khusus. (H. M Quraish Shihab, 1992 :30)

#### **i. Keseimbangan jumlah kata dengan antonimnya**

- Penggunaan kata *al-Hayy* (hidup) dan *al-Maut* (mati), setiap kata disebut sebanyak 145 kali.

P Penggunaan kata *al-Naf'* (manfaat) dan *al-Mudarrat* (mudarat), setiap kata disebut sebanyak 50 kali.

- Penggunaan kata *al-Ha:r* (panas) dan *al-Bard* (dingin/sejuk) masing-masing sebanyak 4 kali.
- Penggunaan kata *al-Sa:liha:t* (kebajikan) dan *al-Sayyi'a:t* (keburukan) masing-masing sebanyak 167 kali.
- Penggunaan kata *al-Rahb* (cemas /takut) dan *Raghbah* (harap/ingin) masing-masing sebanyak 8 kali.

**ii.** Keseimbangan jumlah kata dengan sinonimnya

Antaranya adalah seperti berikut:

- Kata *al-Harth* (membajak) dan *al-Zira'at* (bertani), masing-masing sebanyak 14 kali.
- Kata *al-Da:llu:n* dan *Mauwta:* (orang-orang sesat/ yang mati jiwanya) masing-masing sebanyak 17 kali.
- Kata *al-'Aql* dan *al-Nu:r* (akal/cahaya) masing-masing sebanyak 49 kali.
- Kata *al-Jahr* dan *al-'Ala:niyyat* (nyata), masing-masing sebanyak 16 kali.

**iii.** Keseimbangan jumlah antara suatu kata dengan kata yang lain yang menunjukkan akibatnya (kesudahannya)

- Kata *al-Infah* (berbelanja) dengan *al-Rida:* (kerelaan), masing-masing sebanyak 73 kali.



- Kata *al-Bukhl* (bakhil) dan *al-Khasa:rat* (kerugian/penyesalan) sebanyak 12 kali.
- Kata *al-Ka:firu:n* (orang-orang kafir) dan *al-Na:r*, *al-Ahra:q* (neraka/pembakaran) masing-masing sebanyak 32 kali.
- Kata *al-Zaka:t* (zakat) dengan *baraka:t* (keberkatan) masing-masing sebanyak 32 kali.

**iv.** Keseimbangan antara jumlah kata dengan kata penyebabnya

Contohnya seperti berikut:

- Kata *al-Isra:f* (pemborosan) dengan *al-Sur'at* (ketergesaan) sebanyak 23 kali.
- Kata *al-Maw'izat* (pengajaran) dengan *al-Lisa:n* (lidah) sebanyak 25 kali.
- Kata *al-Asra:* (tawanan perang) dengan *al-Harb* (peperangan) sebanyak 6 kali
- Kata *al-Sala:m* (sejahtera) dengan *al-Taiyyibat* (kebajikan) sebanyak 60 kali.

**v.** Keseimbangan-keseimbangan Khusus

Selain daripada keseimbangan-keseimbangan yang disebutkan di atas, terdapat beberapa keseimbangan lain yang bersifat khusus, seperti berikut:

- Kata *Yawm* **يَوْمٌ** (hari) disebut dalam bentuk tunggal *mufrad* sebanyak 365, sesuai dengan jumlah hari dalam setahun, sedangkan kata *Ayya:m* **أَيَّامٌ** (hari-hari) dalam bentuk *jama'* disebut sebanyak 30 kali sama dengan jumlah hari dalam

sebulan. Begitulah juga dengan kata *al-Shahr* (bulan) disebut sebanyak 12 kali, sesuai dan bersamaan dengan jumlah bulan dalam setahun.

- Kata-kata yang menunjukkan kepada utusan Allah yang diutuskan kepada manusia iaitu *Rasu:l*, *Nabiyy*, *Bashi:r*, dan *Nadhi:r* , keseluruhannya berjumlah 518. Jumlah ini seimbang dengan jumlah nama-nama nabi dan rasul iaitu sebanyak 518 orang.

### 3.4.2. Penggunaan huruf yang menjadi pembuka surah

Hasil penelitian yang dibuat oleh para ulama seperti Rashid Khalifah, memperlihatkan keajaiban dalam penggunaan huruf yang digunakan diawal surah. Dalam surah-surah yang dimulai dengan dengan huruf, jumlah huruf dalam surah itu dibahagikan kepada 19 huruf, yang merupakan jumlah huruf dalam *Basmalat*. (H.M. Quraish Shihab, 1992 : 22).

Sebagai contoh huruf *Qa:f* yang merupakan pembuka surah yang ke 50, dapat ditemukan ianya berulang sebanyak 57 kali, iaitu  $3 \times 19 = 57$ . Huruf *Nu:n* yang merupakan pembuka surah al-Qalam diulang sebanyak 133 kali, iaitu  $7 \times 19 = 133$ .

### 3.4.3. Keindahan susunan kata dan pola-pola kalimat al-Qur'an

Fakhruddin al-Razi ada menyatakan dalam kitabnya *Mafa:tih al-Ghaib* , bahawa aspek kefasihan bahasa, keindahan susunankata dan pola-pola kalimat al-Qur'an amat mengagumkan. (Al-Sayu:tyy, 1979: 199). Sementara itu al-Qa:diy Abu: Bakr dalam *I'ja:z al-Qur'a:n* menyatakan bahawa kemukjizatan al-Qur'an dari aspek keindahan

bahasanya jika dibandingkan dengan syair dan sastra Arab, memang mustahil untuk ditandingi. (al-Zarkashiyy, 1957: 100).

### **3.5. Penutup**

Sesungguhnya adalah sukar untuk menjelaskan kesemua pola-pola kalimat dan keindahan susunkata yang terdapat dalam al-Qur'an dalam kajian ini. Sebagai suatu sorotan ringkas dijelaskan beberapa aspek yang berkaitan dengan *I:jaz* (ringkasan) *tashbi:h* (persamaan/perumpamaan) *maja:z* (pinjaman) dan *Ist'arat* (peminjaman), *Kina:yaṭ* (kiasan), *Tiba:q* (mengumpul dua makna yang berlawanan dalam ayat), dan *Saj'* (persamaan rima di akhir kalimah). Kesemua aspek ini dibahasakan dalam ilmu Balaghat mengikut fasal yang berasingan dalam tiga disiplin iaitu ilmu al-Baya:n, 'ilm al-Ma'a:niy dan 'ilm al-Badi: '.